
Title	Membentuk anak negeri yang baik
Author(s)	Muhammad Ariff bin Ahmad

Copyright © 1948 Muhammad Ariff bin Ahmad

MEMBENTUK ANAK NEGERI YANG BAIK

oleh: Muhd Ariff Ahmad (Singapura)

Adapun maksud pendidikan dalam sesebuah sekolah yang dibangunkan oleh sesuatu kerajaan itu ialah untuk membentuk anak negeri yang baik; kerana dengan tenaga anak negeri yang baik itulah dapat dibentuk corak kemajuan sesebuah negeri. Memang! Menyebut kalimah yang tersusun dari lima enam patah perkataan itu, amat senang. Tetapi kalau ditimbang-timbangkan dengan fikiran yang luas dan diperhatikan dengan perasaan yang sihat, nescaya didapati amat besar artinya dan mahalua maksudnya; terutama disisi seorang pendidik yang mengambil bahagian dalam soal ini.

Anak negeri yang baik itu bukan artinya, anak negeri yang hanya pandai membaca, menulis dan mengira saja; tetapi ialah anak negeri yang sihat, cergas dan taat: taat kepada Tuhan pada mengerjakan kewajipan hidupnya sebagai anak negeri yang bertanggungjawab atas hal-hal bangsa, watan dan ugamanya.

Junjungan kita Nabi Muhammad S/A.W. telah bersabda, maksudnya: "Seorang daripada kamu ialah pemelihara, maka kamu ditanya (bertanggungjawab) akan (atas) pemeliharaanmu itu,....." Yang demikian nyatalah maksud didikan untuk membentuk anak negeri yang baik itu, satu dari tuntutan agama Islam yang mahasuci: yang wajib dikerjakan oleh tiap-tiap umat Muslimin. lebih tepat lagi, Islam memang menuntut supaya umatnya hidup menjadi pemelihara yang sanggup mengawal bangsa, agama dan watannya; moga-moga Islam tetap kekal dan dimuliakan selama-lamanya. Tetapi pekerjaan membentuk jiwa manusia supaya cinta akan Allah, memang satu pekerjaan yang tidak mudah; kerana memerangi hawa nafsu itu, ada lebih dahsyat dari menentang musuh yang berpuluh-puluh juta banyaknya; iaitu berkehendakkan mengharungi berbagai-bagai dugaan dan godaan.

Dalam negeri yang telah berkemajuan, di rumah-rumah didikan atau di sekolah-sekolahnya sedia tersusun pelbagai pelajaran yang berhubung dengan hal ehwal siasah negerinya; umpamanya cara-cara pergaulan dalam masyarakat, membentuk iktisad hidup, menyusun hal-hal urusan rumahtangga, kebudayaan, kesenian, budi akhlak dan sebagainya; terutama dalam didikan jiwa. Ahli-ahli didikan mereka sentiasa menyemaikan semangat kepada anak-anak bangsanya dengan kata-kata suci, yang meruntun ruh anak-anak bangsanya itu supaya cintakan Tuhan, bangsa dan tanahairnya. Jadi tidak heranlah kalau kehidupan anak-anak yang dididik itu tatkala besarnya kelak, dapat

diseduikan dengan tujuan didikan yang sebenar-benarnya iaitu "menjadi anak negeri yang baik".

Berbeza dengan keadaan kita, suatu bangsa yang masih tertinggal jauh, di belakang garis kemajuan dunia, kita hanya dapat berkata serupa dengan apa yang mereka (bangsa-bangsa yang maju) itu boleh berkata! Tetapi dukacita kita tidak terbuat apa yang mereka boleh buat, selain dari turut, menurut, dan taat menjalankan apa-apa yang sudah diatur mereka dengan tidak payah usul periksa, dan tidak mahu mengetahui tujuannya yang sebenar.

Mengapa kita terpaksa berlaku demikian?..... tidak lain kerana dari masa kita duduk di rumah didikan, yang sepatutnya tempat kita menerima latihan menjadi anak negeri yang baik itu, kita selalu dalam ragu-ragu, tertakut-takut, cuai dan sebagainya; hingga ada yang terpesong haluannya dari maksud yang asal: hingga kita sendiri keciwa daripada latihan menjadi anak negeri yang baik.

Kita telah lupa akan firman Allah dalam Quranul-Karim, "..... bahwa sanya semulia-mulia mereka di sisi Allah, ialah mereka yang paling taqwa kepadaNya" - albuqarah 13. Firman ini membuktikan dengan jelasnya, iaitu yang wajib ditakuti oleh sekalian makhluk, ialah Allah Subhanahu wa Taala. Jadi sifat kita yang terpesong dari tujuan tadi itu, nyatalah berarti menentang Tuhan dan firmanNya.

Sesat! Kalau tiap-tiap satu pekerjaan itu dilakukan tidak berserta Allah, kerana Allah sekali-kali tidak redha umatnya tertakut-takut membela kebenaran yang hak. Tuhan sentiasa menggalang cita-cita umatnya yang kotor berkarat, atau berbuat atas landasan yang tidak diredhaiNya; kerana kita sendiri telah bersumpah dan berjanji di hadapan Allah, dalam sembahyang: iaitu 17 kali sehari kita meyakini kalimah, "Engkaulah yang kusembah, dan kepadaMu jua kupohonkan pertolongan!" alfateha 4. Bukankah sumpah kita itu berarti bahwa tiap-tiap perjuangan kita sentiasa mengharapkan Rahmat Allah; moga-moga diperkenankan supaya tercapai kejayaan?

Tetapi dimanakah kita letakkan sumpah itu, dan bilakah akan kita tepati janji kita ke hadhrat Allah?

Ya Allah! Bukakanlah pintu keinsafan sejati dalam ruhku, mudah-mudahan segera kukerjakan kewajipanku atas segala pemeliharaanku, kerana membentuk jiwa dan membentuk anak negeri yang baik, yang insaf akan tanggungan hidupnya pula, Amin! Amin! Ya Rabbul-alamin!